

Guna data baiki program Mahkamah Syariah



PENGGUNAAN data yang lebih baik akan dimanfaatkan demi memperkukuh program Mahkamah Syariah, kata Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim.

Berucap di Seminar C.H.I.L.D (Kebahagiaan Anak Melibatkan Ibu Bapa Penyayang), beliau berkata “data boleh mendedahkan corak tersembunyi dan memberi kita pemahaman mengenai bidang manakah kami boleh pertingkatkan untuk berkhidmat bagi rakyat Singapura”.

Memberi contoh, Dr Yaacob berkata satu kajian bersama antara Mahkamah Syariah dan Penguasa Pembangunan Infokom (IDA) pada 2013 yang menggunakan data analitik mendapati masalah kewangan merupakan antara faktor utama yang menyebabkan perceraian.

Laporan lanjut di Muka 2.

Usaha galak ibu bapa berbaik semula bagi kurangi kesan cerai ke atas anak

Data analitik digunakan dalam kajian yang melihat isu kewangan turut jejas rumah tangga pasangan berlainan pendapatan

► **IRMA KAMARUDIN**
irmak@sph.com.sg

MASALAH kewangan merupakan antara faktor utama keretakan rumah tangga, menurut satu kajian yang dijalankan bersama Mahkamah Syariah dengan Penguasa Pembangunan Infokom (IDA) pada 2013.

Menggunakan data analitik, kajian tersebut melihat pada pangkalan data mahkamah itu, yang merekodkan sekitar 15,000 kes yang didaftar antara 2008 dengan 2012.

Kajian tersebut antara lain dijalankan bagi mencari kaitan antara masalah kewangan dengan perceraian.

Menteri Bertanggungjawab bagi Ehdwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, berkata kajian itu mendapati bahawa pasangan daripada kumpulan pendapatan berlainan telah memperlihatkan masalah kewangan yang serupa.

Kajian tersebut melihat pada tiga kumpulan pendapatan bulanan – kurang \$1,000; antara \$1,000 dengan \$3,000; dan lebih \$3,000.

Misalnya, keluarga yang meraih pendapatan kurang \$3,000 mencatatkan isu ketidakmampuan membiayai perbelanjaan anak dan berhutang dengan anggota keluarga dan rakan, manakala golongan pendapatan melebihi \$1,000 berdepan dengan masalah hutang kad kredit.

“Jika tidak diuruskan, beban kewangan ini akan meningkat dan membawa kepada perceraian, terutamanya bagi si lelaki, yang mungkin perlu menyediakan sokongan nafkah pasangan dan anak.

“Ia mungkin menjadi lebih mencabar bagi sang suami jika dia memilih berkahwin semula dan mempunyai lebih ramai anak daripada perkahwinan barunya itu,” kata beliau.



MANFAATKAN DATA: Semasa berucap di Seminar C.H.I.L.D semalam, Dr Yaacob Ibrahim berkata Mahkamah Syariah akan terus memperkukuh programnya dengan penggunaan data yang lebih baik agar dapat berkhidmat dengan lebih berkesan untuk rakyat Singapura. – Foto KHALID BABA

Dr Yaacob hadir di Seminar C.H.I.L.D (Kebahagiaan Anak Melibatkan Ibu Bapa Penyayang), yang diadakan dengan kerjasama Mahkamah Syariah dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), di One Farrer Hotel And Spa, semalam.

Seminar tersebut mengongsi pandangan tentang program sokongan di Mahkamah Syariah yang bertujuan menggalak ibu bapa berbaik semula bagi mengurangi kesan perceraian ke atas anak.

Dr Yaacob turut berkongsi satu lagi kajian yang dijalankan mengenai Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) Mahkamah Syariah.

Kajian itu, yang diusahakan mahkamah dengan dua pelajar dalam bidang kerja sosial Universiti Nasional Singapura

(NUS), bertujuan mengukur prestasi dan kejayaan program kaunseling.

Ia mendapati bahawa sikap positif terhadap perkahwinan adalah kunci dalam menyelamatkan rumah tangga bermasalah.

Selain itu, kajian tersebut juga mendapati kebanyakan pasangan secara amnya tidak mahu menyertai kaunseling perkahwinan, tidak kira sama ada mereka telah berdamai ataupun bercerai.

Ia juga menunjukkan bahawa pasangan yang akhirnya berdamai menyertai kaunseling sepenuhnya dan dengan memberikan perhatian serius, yang kemudian membetulkan tanggapan negatif mereka mengenai kaunseling perkahwinan.

Dapatan kajian itu juga berkata Mahkamah Syariah dilihat mempunyai kuasa

mendapatkan pasangan menghadiri kaunseling perkahwinan, yang tidak akan dihadiri pasangan jika mereka diberi pilihan membuat keputusan.

Dr Yaacob berkata Mahkamah Syariah akan terus memperkukuh programnya dengan penggunaan data yang lebih baik.

Beliau menambah bahawa data boleh mendedahkan corak tersembunyi dan memberi pemahaman tentang bidang manakah mereka boleh berkhidmat dengan lebih baik untuk rakyat Singapura.

“Kajian ini, buat masa ini, sederhana dari segi bilangan dan skopnya, tetapi ia memberikan pandangan berguna dalam isu-isu yang kami tangani. Lebih penting lagi, mereka membantu memaklumkan strategi dan program kami untuk membantu rakyat Singapura dengan lebih baik,” kata beliau.